

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI
ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat mengawal sektor perkhidmatan kesihatan swasta tanpa kuasa darurat memandangkan kes-kes berkaitan COVID-19 ditolak oleh hospital swasta dan adakah Kerajaan bercadang untuk membuka lebih banyak pusat kuarantin khususnya kepada pesakit COVID-19 yang bergejala bagi mengelakkan jangkitan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod Kementerian, tiada aduan rasmi yang diterima berkaitan kes pesakit COVID-19 ditolak oleh hospital swasta. Hingga 24 Ogos 2021, sebanyak **107 hospital swasta** menyediakan **1,419 katil (termasuk 136 katil ICU)** bagi perawatan COVID-19.

2. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sentiasa mengawal selia kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (termasuk hospital swasta) melalui Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-peraturannya yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 2006.

3. Berhubung dengan pengwujudan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC), Kementerian Kesihatan telah mewujudkan dua (2) jenis PKRC iaitu PKRC Berisiko Rendah untuk merawat pesakit COVID-19 kategori 1 dan 2 serta PKRC Bersepadu untuk merawat pesakit COVID-19 kategori 3 hingga kategori 4. PKRC ini diwujudkan bertujuan untuk menambah kapasiti hospital KKM serta menempatkan pesakit COVID-19 yang tidak sesuai untuk menjalani isolasi di rumah.

4. Hingga 24 Ogos 2021, terdapat **143 PKRC**, iaitu 123 PKRC awam dan 20 PKRC tahanan di seluruh negara. PKRC ini menyediakan sejumlah **33,461 katil** dengan kadar penggunaan sebanyak **61%**.

5. Perancangan penambahan PKRC adalah bergantung kepada situasi semasa pandemik, terutamanya di tempat-tempat yang mengalami peningkatan kes dan ketersediaan sumber tenaga manusia.

Sekian, terima kasih.